

BAB KELIMA

KESIMPULAN

BAB KELIMA

KESIMPULAN

5.1 RUMUSAN

Berdasarkan kepada perbahasan secara menyeluruh yang telah dilakukan berkaitan dengan aspek pembayaran zakat padi ini, penulis telah menemui beberapa jawapan terhadap beberapa persoalan yang telah dibincangkan sebelum ini. Di dalam bab terakhir ini, penulis akan mengemukakan penemuan-penemuan yang telah didapati secara langsung daripada kajian yang telah dilakukan. Penulis juga akan membuat analisis terhadap kajian yang telah dilakukan serta mengemukakan beberapa penyelesaian yang boleh dipraktikkan demi kebaikan bersama terhadap isu-isu yang telah dikenal pasti melalui kajian yang telah dilakukan ini.

Melalui penyelidikan ini, penulis mendapati bahawa jumlah perolehan kutipan zakat padi oleh pihak Pejabat Zakat Daerah Pendang tidak mencapai jumlah yang sepatutnya diperolehi berdasarkan kepada jumlah keluasan sawah padi yang diusahakan oleh petani muslim. Jumlah yang diperolehi hanyalah berjumlah RM 112,342.67 atau 2.42 peratus sahaja daripada keseluruhan jumlah kutipan yang dianggarkan berjumlah lebih kurang RM 4,755,094.40. Perbezaan jumlah kutipan ini begitu ketara sekali iaitu RM 4,642,751.73 atau 97.58 peratus.¹

Penulis berpendapat bahawa perbincangan mengenai persoalan ini adalah penting untuk diketengahkan kepada masyarakat Islam terutamanya golongan petani yang terlibat secara langsung dalam bidang penanaman padi ini. Beberapa

isu penting telah penulis bincangkan berkaitan dengan aspek pembayaran zakat padi hinggalah kepada aspek perolehan kutipan zakat padi oleh pihak pentadbir zakat itu sendiri. Hasil-hasil kajian boleh dirumuskan kepada dua iaitu:

1. Faktor-faktor yang menjelaskan jumlah kutipan zakat padi; dan
2. Potensi peningkatan jumlah kutipan zakat padi.

5.1.1 Faktor-Faktor Yang Menjejaskan Jumlah Kutipan Zakat Padi

Walaupun analisis sebelum ini menjelaskan bahawa jumlah kutipan zakat padi sepatutnya meningkat berdasarkan kepada faktor-faktor yang menurut analisis penulis, berpotensi untuk mempertingkatkan perolehan kutipan zakat padi. Namun, perkara itu tidak terbukti keberkesanannya. Berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dilakukan, penulis dapat merumuskan bahawa ada faktor-faktor yang membawa kepada berlakunya keadaan sedemikian yang menghalang proses kutipan zakat sebagaimana sepatutnya.

Melalui penyelidikan ini, penulis merasakan bahawa, berlakunya kekurangan dalam aspek perolehan adalah berpunca daripada beberapa faktor yang berpunca daripada para petani dan juga pentadbir zakat itu sendiri. Kedua-dua belah pihak tersebut didapati merupakan punca mengapa berlakunya keadaan sedemikian yang secara tidak langsung telah menjelaskan hasil kutipan zakat padi.

(1) Bayaran zakat melalui saluran tidak rasmi

Berdasarkan kepada para petani, penulis mendapati bahawa kecenderungan para petani untuk memilih membayar zakat melalui saluran tidak

rasmi dan bukannya saluran rasmi. Kewujudan pembayaran melalui saluran tidak rasmi dengan nyata telah mempengaruhi faktor kutipan zakat. Ini terbukti apabila jumlah para petani memilih saluran pembayaran tidak rasmi melebihi jumlah petani yang membayar melalui saluran rasmi. Penulis berjaya mengenalpasti beberapa sebab yang menjadikan mereka memilih saluran tidak rasmi iaitu;²

- i. Faktor ketidakyakinan terhadap pihak pentadbir zakat dalam hal kutipan dan agihan hasil zakat;
- ii. Faktor perbezaan fahaman politik antara para petani dan pihak pentadbir zakat yang dianggap sebagai wakil pihak pemerintah yang mereka tidak sokong;
- iii. Faktor lebih mudah berurus dan menjimatkan masa mereka daripada berurus dengan pihak pentadbir zakat.

Berdasarkan kepada faktor-faktor inilah mereka memilih untuk tidak membayar zakat kepada pihak pentadbir zakat daerah. Kewujudan pembayaran saluran tidak rasmi yang digunakan oleh para petani menjelaskan bahawa, mereka bukannya tidak membayar zakat padi. Mereka sebenarnya membayar zakat tersebut, tetapi bayaran dilakukan melalui saluran tidak rasmi. Jelasnya, mereka tetap menunaikan kewajipan membayar zakat melalui saluran tidak rasmi.

(2) Kelemahan dari segi pentadbiran zakat

Manakala di pihak pentadbir zakat juga penulis berjaya mengenalpasti beberapa kelemahan yang berlaku yang telah menjelaskan aspek kutipan zakat padi itu sendiri. Antara faktor yang dikenalpasti ialah;³

- i. Faktor kekurangan tenaga kerja untuk menjalankan urusan kutipan zakat padi;
- ii. Faktor undang-undang yang tidak dikuatkuasakan oleh pihak pentadbir walaupun hakikatnya undang-undang tersebut telah wujud;
- iii. Faktor amil yang telah dilantik tidak bersungguh untuk menjalankan kewajipan memungut zakat;
- iv. Faktor ketiadaan pendedahan yang meluas daripada pihak pentadbir zakat kepada para petani;
- v. Faktor kegagalan untuk meyakinkan para petani tentang fungsi sebenar badan pentadbir zakat yang ditubuhkan.

Faktor-faktor yang dikenal pasti berlaku di pihak pentadbir telah menyebabkan para petani memilih untuk tidak membayar zakat melalui saluran rasmi. Keadaan ini lebih membuatkan para petani memilih saluran tidak rasmi dalam menjelaskan bayaran zakat padi mereka.

(3) Tiada penguatkuasaan undang-undang

Begitu juga penulis mendapati bahawa, peruntukan undang-undang yang ada berkaitan dengan zakat padi tidak dipatuhi sepenuhnya oleh pihak pentadbir. Terutamanya para amil yang tidak menjalankan tugas sepenuhnya menurut apa yang diperuntukkan oleh undang-undang zakat. Faktor memelihara hubungan dengan masyarakat menjadikan mereka tidak dapat menjalankan tugas sepenuhnya sebagaimana yang ditaklifkan kepada mereka. Contoh yang mudah ialah mengenai bincian yang perlu dilakukan ke atas para petani.⁴ Ada amil yang

tidak melakukan bincian tersebut. Begitu juga kelewatan mereka untuk menyerahkan hasil kutipan kepada pihak pentadbir.

Berdasarkan kepada aspek-aspek ini, bagaimakah hendak menyalahkan para petani sekiranya perolehan kutipan zakat oleh pihak pentadbir tidak mencapai jumlah yang sepatutnya mereka perolehi. Berlakunya kekurangan dalam perolehan kutipan zakat padi adalah bukan disebabkan para petani tidak membayar zakat. Pembayaran dilakukan, tetapi melalui saluran yang berbeza. Jelasnya, kewujudan dua saluran pembayaran menyebabkan berlakunya kekurangan dalam jumlah kutipan zakat padi.

Rajah 5.1.1 di bawah ini memberi gambaran bagaimana berlakunya pemisahan dalam saluran pembayaran zakat. Ia menjelaskan faktor-faktor yang membawa kepada terjejasnya kadar perolehan oleh pihak pentadbir zakat sebagaimana di jelaskan di atas. Rajah ini dengan jelas menunjukkan bahawa kekurangan dalam perolehan kutipan adalah disebabkan pemilihan saluran tidak rasmi oleh para petani. Namun pemilihan saluran itu adalah berpunca daripada kedua-dua belah pihak sama ada para petani mahupun pentadbiran. Justeru, untuk menyalahkan para petani semata-mata kerana tidak membayar zakat kepada pemerintah tidak bermakna sekiranya faktor itu juga berpunca daripada pihak pentadbir. Pihak pentadbir juga harus meneliti tugas dan peranan mereka sebagai wakil kepada pemerintah untuk menjalankan urusan kutipan dan agihan zakat padi. Mereka seharusnya menyelesaikan permasalahan dari aspek pentadbiran itu sendiri sebelum menuding jari kepada pihak lain terutamanya para petani.

Rajah 5.1.1
FAKTOR-FAKTOR YANG MENJEJASKAN
PEROLEHAN KUTIPAN ZAKAT PADI



5.1.2 Potensi Peningkatan Jumlah Kutipan Zakat Padi

Melalui penyelidikan yang telah dilakukan ini, penulis menemui beberapa perkara yang berpotensi untuk mempertingkatkan jumlah perolehan kutipan zakat oleh pihak pentadbir zakat. Antara potensi-potensi yang telah dikenal pasti ialah;

(1) Perkembangan dalam kaedah pengurusan tanaman padi oleh para petani

Melalui penyelidikan ini, didapati bahawa pengurusan tanaman padi telah mengalami beberapa perubahan daripada semasa ke semasa. Beberapa kaedah yang menjadi amalan di dalam masyarakat setelah sekian lama yang lebih dikenali dengan penggunaan kaedah tradisional, kini tidak lagi mendapat tempat di kalangan masyarakat. Penggunaan teknologi moden telah berjaya menguasai kaedah pengurusan tanaman padi ini, bermula daripada proses penanaman hingga ke peringkat penuaian hasil. Boleh dikatakan keseluruhannya menggunakan teknologi moden yang telah diperkenalkan dalam bidang pertanian dari semasa ke semasa.⁵

Penggunaan teknologi moden ini secara tidak langsung telah berjaya mengurangkan aspek penggunaan tenaga yang sebelum ini merupakan agen utama dalam penanaman padi di daerah Pendang. Ia juga telah berjaya meningkatkan perolehan hasil tanaman padi yang lebih baik jika dibandingkan dengan penggunaan kaedah tradisional sebelumnya. Penanaman padi juga dapat dilakukan dengan segera bila tiba musimnya dan hasil dituai apabila tamatnya musim penanaman dengan tempoh yang lebih singkat. Dalam masa yang sama, para petani boleh melakukan kerja-kerja sampingan yang lain bagi menambahkan sumber pendapatan masing-masing.

Apa yang nyata, hasil daripada perkembangan teknologi moden dalam penanaman padi ini telah berjaya meningkatkan hasil keluaran yang lebih baik dan membolehkan para petani memperolehi hasil pendapatan yang lebih berbanding

dengan sebelumnya. Namun perolehan kutipan zakat oleh pihak pentadbir zakat belum mencapai jumlah yang sepatutnya diperolehi. Begitu juga seandainya dibandingkan dengan jumlah keluasan sawah padi yang diusahakan. Penulis mendapati bahawa perolehan kutipan sepatutnya melebihi daripada jumlah yang didapati. Seandainya keseluruhan petani mengeluarkan zakat sepenuhnya kepada para pentadbir zakat, maka jumlah kutipan sudah pasti akan melebihi daripada jumlah yang dicatatkan.

Perolehan kutipan zakat sepatutnya akan berkadar terus dengan perolehan hasil padi. Namun, hakikatnya perkara ini tidak berlaku. Pihak pentadbir zakat berjaya mengumpul bayaran zakat dengan jumlah yang kecil sahaja berbanding dengan perolehan yang sepatutnya diperolehi. Secara rasionalnya, peningkatan perolehan hasil padi sudah pastilah akan mempertingkatkan jumlah kutipan zakat padi. Begitu juga, penggunaan teknologi moden telah berjaya mempertingkatkan hasil keluaran padi. Secara rasionalnya juga, jumlah kutipan zakat akan turut meningkat dan bukannya semakin berkurang atau bersifat turun naik. Ini menjelaskan bahawa, jumlah kutipan yang tidak mencapai jumlah yang sepatutnya itu dipengaruhi oleh faktor-faktor yang tertentu.

(2) Kaedah pembayaran zakat yang lebih mudah

Sejajar dengan perbendaharaan Fiqh Islam yang sentiasa berubah bersama perubahan semasa, bidang pertanian juga turut tidak terlepas daripada adanya hukum-hukum Fiqh yang baru berdasarkan suasana semasa masyarakat.⁶ Berdasarkan kepada ini, aspek pembayaran zakat padi juga tidak terlepas daripada

mengalami perubahan sesuai dengan keadaan semasa masyarakat. Perubahan-perubahan hukum yang berlaku ini, adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada umat Islam agar tidak merasa beban dengan kewajipan agama yang difardhukan ke atas seluruh umat Islam.

Dalam masalah pembayaran zakat padi juga, didapati adanya beberapa pendapat baru yang telah difatwakan sesuai dengan kehendak semasa. Antara perubahan hukum yang telah berlaku ialah keharusan membayar zakat dengan menggunakan wang ringgit yang menyamai nilai kadar yang perlu dikeluarkan zakat daripadanya sebagai ganti kepada pembayaran zakat dengan menggunakan hasil padi itu sendiri.⁷ Kaedah pembayaran ini jika diteliti adalah memberi kemudahan kepada para petani untuk menunaikan kewajipan zakat. Dalam hal ini, pembayaran zakat padi dengan menggunakan wang ringgit itu tidak lagi merupakan satu beban. Sebaliknya memudahkan mereka kerana tidak perlu bersusah payah untuk membawa padi bagi menunaikan kewajipan zakat. Faktor ini sepatutnya akan meningkatkan jumlah perolehan kutipan zakat padi tersebut.

Perubahan hukum yang kedua ialah dari aspek pengiraan zakat padi yang dikira berdasarkan kepada perolehan pendapatan bersih para petani setelah ditolak segala perbelanjaan pengurusan sawah padi tersebut.⁸ Ini sesuai dengan keadaan semasa, di mana perbelanjaan untuk menguruskan tanaman padi memerlukan kepada belanja yang banyak. Berdasarkan kepada amalan masyarakat yang membayar zakat sebaik sahaja hasil dituai dan tanpa menolak jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh mereka terlebih dahulu, secara tidak langsung fatwa yang

dikeluarkan itu tidak lagi mendatangkan beban kepada para petani. Mereka tidak akan merasakan bahawa kewajipan zakat itu boleh mendatangkan beban kepada mereka, kerana zakat hanya dikeluarkan daripada jumlah bersih perolehan hasil padi tersebut.⁹

Berdasarkan kepada faktor perubahan hukum ini, penulis mendapati bahawa keharusan itu sudah pastilah akan mempertingkatkan kesedaran masyarakat untuk menunaikan kewajipan membayar zakat padi kepada pihak pentadbir zakat yang merupakan wakil kepada pemerintah atau Sultan. Alasan kesusahan atau menanggung beban tidak boleh diterima lagi daripada para petani jika hasil padinya adalah mencapai nisab untuk menunaikan kewajipan zakat.

(3) Struktur organisasi pentadbiran zakat yang lebih baik

Faktor ketiga yang penulis dapati dapat mempertingkatkan jumlah kutipan zakat ialah berdasarkan kepada aspek pentadbiran zakat itu sendiri. Berdasarkan kepada aspek pentadbiran ini, penulis mendapati bahawa, perubahan-perubahan yang telah dilakukan di dalam struktur organisasi pentadbiran zakat secara tidak langsung akan dapat memperbaiki urusan kutipan serta agihan zakat padi. Pengurusan yang baik sudah pasti akan membawa hasil yang baik.

Begini juga dengan penubuhan Pejabat Zakat Daerah Pendang, telah memberi kemudahan kepada para petani untuk pergi menunaikan atau membayar zakat padi kepada pihak pentadbir zakat daerah. Penubuhan ini juga menafikan alasan oleh mereka untuk mengatakan bahawa kedudukan Pejabat Zakat Negeri

Kedah di pusat bandar Alor Setar, mendatangkan kesukaran kepada mereka untuk pergi ke sana dan mereka memilih alternatif lain untuk membayar zakat tersebut.

Dari aspek pentadbiran juga, didapati bahawa perlantikan para amil untuk menguruskan kutipan zakat padi daripada para petani iaitu seramai 91 orang adalah memadai. Secara logiknya, jumlah amil yang dilantik itu adalah bertugas untuk menguruskan hal kutipan zakat padi daripada para petani. Sekiranya tugas dan kewajipan itu dilaksanakan sepenuhnya, maka jumlah perolehan sudah pasti akan bertambah. Dengan jumlah amil seramai 91 orang itu, mustahil para petani menjadikan alasan ketiadaan amil di tempat mereka untuk membolehkan mereka menjelaskan bayaran zakat padi.

(4) Peruntukan undang-undang yang tegas dan jelas

Manakala faktor keempat yang penulis dapati boleh mempertingkatkan kutipan zakat padi ini ialah melalui penguatkuasaan undang-undang zakat. Berdasarkan kepada peruntukan di dalam undang-undang tersebut, sesiapa yang tidak membayar zakat padi boleh dihukum di bawah Peraturan-peraturan Zakat 1982. Peruntukan undang-undang ini telah memberi kuasa kepada pihak pemerintah untuk menjalankan tugas mereka dengan sewajarnya bagi mempastikan setiap penanam padi menunaikan kewajipan zakat bagi hasil padi yang mencapai jumlah nisab zakat padi.¹⁰

Perbincangan di atas ini boleh dilihat dengan lebih jelas berdasarkan kepada Rajah 5.2 di bawah ini. Ia menggambarkan faktor-faktor yang

dibincangkan di atas yang keseluruhannya berupaya untuk mempertingkatkan kadar perolehan kutipan zakat oleh pihak berkuasa zakat.

Rajah 5.1.2

**FAKTOR-FAKTOR YANG BOLEH MENINGKATKAN
JUMLAH PEROLEHAN KUTIPAN ZAKAT PADI**



Secara ringkasnya, berdasarkan kepada faktor-faktor yang dinyatakan di atas, penulis melihat bahawa tidak ada sebabnya jumlah kutipan zakat padi tersebut tidak mencapai jumlah yang sepatutnya diperolehi oleh pihak pentadbir zakat daerah. Ia sepatutnya akan memperolehi jumlah kutipan yang lebih daripada jumlah perolehan yang sedia ada.

5.2 SARANAN

Berdasarkan kepada analisis yang telah dilakukan ini, jelas menunjukkan bahawa kejayaan dalam aspek pembayaran zakat adalah bergantung sepenuhnya

kepada para petani dan pihak pentadbir zakat. Kedua-duanya memainkan peranan yang penting untuk menjayakan proses pembayaran ini.

Begitu juga permasalahan mengenai pembayaran bukan sahaja timbul di sebelah pihak, tetapi ianya adalah berpunca daripada kedua-dua belah pihak. Sekiranya permasalahan ini tidak diselesaikan setelah mengetahui punca-puncanya, sudah pastilah ia akan berlarutan selama-lamanya. Langkah penyelesaian perlulah diambil dengan segera. Dalam konteks ini, penulis menemui beberapa langkah yang boleh diambil dalam usaha untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul ini.

5.2.1 Penyelesaian Melalui Aspek Pentadbiran

Pihak pentadbir zakat perlu melihat kembali peranan sebenar institusi itu sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab mewakili pihak pemerintah untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Dalam hal ini, beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh pihak pentadbir zakat. Di sini, dikemukakan beberapa saranan yang menurut pendapat penulis boleh diteliti bersama oleh pihak pentadbir zakat.

(1) Penambahan jumlah kakitangan dalam pentadbiran

Kakitangan adalah merupakan aset utama dalam menggerakkan sesebuah institusi pentadbiran. Sekiranya kakitangan tidak mencukupi, bagaimana badan tersebut hendak beroperasi dan berjalan dengan lancar. Sesebuah badan pentadbiran itu sepatutnya mempunyai struktur pentadbiran dan menetapkan fungsi-fungsi serta tugas-tugas setiap pegawai dengan jelas. Sekiranya sebuah

badan itu mempunyai kakitangan yang mencukupi, nescaya struktur pentadbiran yang cekap dan licin akan dapat dibentuk.

Merujuk kepada Pejabat Zakat Negeri Kedah, struktur pentadbirannya adalah jelas serta bidang tugas yang dipegang oleh setiap pegawai adalah jelas. Berbeza dengan peringkat daerah yang tidak diberikan struktur pentadbiran yang jelas. Dalam hal ini, pertindanan tugas sudah pasti akan berlaku. Tidak dinafikan, walaupun Pejabat Zakat Daerah adalah berperanan sebagai wakil untuk mengendalikan kutipan sahaja yang akan diserahkan kepada pusat, tetapi ia secara tidak langsung boleh menjelaskan pentadbiran itu sendiri. Faktor kekurangan kakitangan perlulah diambil tindakan segera oleh pihak pentadbir pusat untuk membekalkan tenaga kerja yang mencukupi di peringkat daerah.

Walaupun jumlah tenaga pekerja ditambah, tetapi penambahan ini kurang bermakna jika mutu pekerja dari segi keupayaan ilmu dan latihan masih berkurangan. Tidak ada gunanya sekiranya aspek kuantiti sahaja dititikberatkan tetapi aspek kualiti berkurangan. Keseimbangan antara kuantiti dan kualiti perlu untuk menjayakan pentadbiran zakat ini. Sekiranya kedua-dua aspek ini diberikan perhatian, maka aspek pertindanan tugas akan dapat dielakkan dan seterusnya perjalanan urusan pentadbiran akan menjadi lebih licin dan cekap.

(2) Spesifikasi dalam tugas setiap kakitangan

Begitu juga aspek spesifikasi dalam jawatan perlu dititikberatkan oleh pihak atasan institusi zakat. Mereka disarankan agar sentiasa mengenal pasti akan

kebolehan dan kemahiran para pegawai pentadbir agar mutu kerja dan perkhidmatan akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Apa yang penulis rasakan dalam hal ini ialah soal kepakaran dalam pentadbiran itu perlu diteliti dan ditambah dari semasa ke semasa. Program-program latihan dan pengurusan sama ada dari segi ilmiah dan praktikal setiap pekerja perlulah diberi perhatian. Ini secara tidak langsung akan menjadikan setiap pegawai yang terlibat dengan institusi ini sebagai seorang yang berwibawa dan berkomitmen dengan tugas dan jawatan yang disandang oleh mereka.

Falsafah zakat, hukumnya, peranan dan potensi serta cara mentadbir dan merancang pentadbiran yang lebih berkesan perlu dititikberatkan kepada setiap pegawai pentadbir zakat. Kursus-kursus dan bengkel-bengkel yang berhubungan dengan pekerjaan harus dianjur dan disokong penglibatan mereka dan berkemungkinan juga ada kursus-kursus dan bengkel-bengkel yang patut diwajibkan kepada para pegawai.

(3) Kelayakan kakitangan yang bersesuaian

Aspek pengambilan sumber manusia bagi mengisi jawatan juga adalah penting. Kelulusan akademik semata-mata belum berupaya menjamin kecemerlangan dalam perkhidmatan. Tetapi ia perlulah digembangkan bersama dengan kesungguhannya dan sifat-sifat terpuji yang akan menatang kemurnian dan kehormatan seorang pekerja Islam. Semata-mata untuk mendapatkan sumber kewangan dan berkhidmat dengan secara sambil lewa mestilah dielakkan dalam pemilihan para pegawai.

Pegawai-pegawai yang mempunyai lulusan dalam bidang agama perlulah diberi keutamaan dan patut dilengkapkan dengan keupayaan untuk mentadbir. Manakala pegawai-pegawai yang bukan daripada aliran agama terlebih dahulu dilengkapkan dengan penghayatan dan pemahaman hukum Islam sebelum diberi peluang untuk berkhidmat selaras dengan institusi ini yang memerlukan penghayatan seseorang terhadap agama terlebih dahulu.

(4) Hubungan antara pejabat pentadbiran peringkat negeri dan daerah

Hubungan di antara pentadbiran negeri dan daerah perlulah dipertingkatkan. Ini akan mendatangkan kerjasama dan kesepaduan di antara usaha-usaha peringkat negeri dan perlaksanaan yang dijalankan di peringkat daerah. Apa-apa kelemahan yang berlaku di peringkat daerah haruslah diberi perhatian dengan segera dan dicari penyelesaian yang harus dilakukan demi mengelakkan pembaziran masa, tenaga dan kewangan. Perbincangan dan pertemuan di antara pegawai-pegawai pentadbir zakat daerah dan negeri harus diadakan secara teratur dan lebih kerap untuk membincangkan permasalahan-permasalahan yang timbul dan penyelesaian diperolehi dengan segera dan segala masalah yang timbul tidak akan mengambil masa yang lebih lama untuk diselesaikan oleh pihak pentadbir zakat.

(5) Pendedahan yang lebih meluas

Pihak pentadbiran zakat juga sewajarnya mengadakan pendedahan yang lebih meluas di dalam masyarakat terutamanya mereka yang tinggal berjauhan daripada Pejabat Zakat. Pegawai-pegawai zakat boleh dihantar ke sana untuk

memberi penerangan kepada masyarakat. Di samping penerangan yang dilakukan, mini-mini kaunter pembayaran zakat boleh dibuka ketika ceramah itu dianjurkan. Ini secara tidak langsung akan memudahkan masyarakat menunaikan kewajipan membayar zakat.

(6) Memberi penerangan kepada masyarakat mengenai agihan perolehan kutipan zakat

Tidak dinafikan bahawa faktor keyakinan terhadap pihak pentadbir merupakan perkara utama untuk menarik masyarakat menunaikan kewajipan membayar zakat kepada pihak pemerintah. Dalam hal ini, penulis ingin menyarankan kepada pihak pentadbir agar menjelaskan kepada masyarakat akan kejayaan-kejayaan dalam membasmi kemiskinan hasil daripada pelaksanaan sistem zakat.

Tidak ada maknanya, jika perolehan kutipan zakat yang diagihkan itu belum berjaya membasmi kemiskinan yang berlaku di kalangan umat Islam. Begitu juga tidak bermakna sekiranya agihan yang diberikan kepada rakyat yang miskin dengan pemberian bantuan yang sekadar dapat menyara hidup sahaja yang hanya mampu mengurangkan kadar bebanan kemiskinan yang ditanggung. Tetapi masih belum berjaya membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan.

Dalam hal ini, penulis ingin menyarankan agar bantuan zakat yang diagihkan kepada golongan yang memerlukan itu diberikan bantuan yang secukupnya hingga mereka berupaya membebaskan diri dari belenggu

kemiskinan. Seandainya bantuan diberikan setiap bulan, tetapi keadaan mereka tetap sama hanya sekadar mengurangkan beban kemiskinan, maka ia menjelaskan bahawa falsafah dan hikmah kefardhuun zakat itu belum berjaya dicapai. Jelasnya, bantuan yang diberikan adalah bertujuan membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan dan bukannya sekadar mengurangkan beban kemiskinan sahaja. Inilah yang perlu diteliti oleh pihak pentadbir zakat dalam soal agihan yang dilakukan.

Aspek agihan yang belum berupaya menyelesaikan permasalahan kemiskinan di kalangan umat Islam inilah yang dijadikan alasan oleh masyarakat, bahawa pihak pentadbir zakat tidak berupaya untuk menyelesaikan masalah kemiskinan yang melanda umat Islam.

Jelasnya, penyelesaian melalui aspek pentadbiran ini penting dalam usaha untuk mengembalikan keyakinan kepada masyarakat Islam agar tidak berasa sangsi lagi dengan aspek pentadbiran institusi zakat ini.

5.2.2 Penyelesaian Melalui Peranan Pihak Pemerintah

Walaupun soal pentadbiran hal ehwal Islam diserahkan kepada kerajaan negeri,¹¹ penulis mendapati bahawa pihak Kerajaan Persekutuan juga sewajarnya memberikan perhatian dalam soal ini dan mengambil langkah yang lebih gigih lagi dengan menggariskan cadangan-cadangan bagi memperbaiki pelaksanaan sistem zakat di Malaysia. Pihak Kerajaan Persekutuan sewajarnya bersifat lebih peka terhadap tuntutan masyarakat Islam yang mahukan sistem-sistem Islam dilaksanakan di negara ini.

Seandainya sistem percuaihan seperti cukai pendapatan boleh dilaksanakan dengan jayanya oleh pihak pemerintah, mengapa sistem zakat tidak dilaksanakan? Sedangkan persoalan zakat adalah melibatkan perkara rukun di dalam agama Islam. Sejauhmanakah peruntukan Perlembagaan yang menyatakan Islam sebagai agama rasmi negara ini memberi penekanan kepada aspek zakat? Persoalan ini sewajarnya perlu diteliti secara serius oleh pihak pemerintah. Jika kita begitu peka pada persoalan dasar fiskal dan bentuk belanjawan, mengapa tidak zakat diberikan tumpuan yang sama?

Walaupun persoalan berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran agama Islam diserahkan kepada pihak berkuasa negeri, tetapi pihak Kerajaan juga sepatutnya menitikberatkan persoalan agama ini. Mereka sewajarnya tidak boleh menyerahkan sebulat-bulatnya soal pentadbiran keagamaan kepada kerajaan negeri. Soal keagamaan adalah di bawah tanggungjawab pemerintah terhadap kemajuan dan kejayaan melaksanakan sistem-sistem Islam.

Dalam konteks penyelidikan ini, penulis melihat bahawa seandainya pihak kerajaan negeri sahaja yang bersungguh-sungguh melalui Majlis Agama Islam di setiap negeri dan juga pihak Jabatan Zakat masing-masing, adalah sesuatu yang menyukarkan bagi mereka terhadap perlaksanaan sesuatu perkara yang berkaitan dengan keagamaan. Jelasnya, tanpa campurtangan daripada pihak pemerintah, penguatkuasaan perkara-perkara berkaitan dengan keagamaan adalah sukar untuk mencapai kejayaan. Lantaran pula setiap negeri mempunyai pentadbiran hal ehwal Islam yang berbeza mengikut keselesaan setiap negeri.

Justeru, pihak pemerintah sewajarnya menjelaskan dengan lebih jitu mengenai peranan dan potensi zakat di dalam sebuah sistem ekonomi dan ianya tidak hanya terhad pada aspek kebijakan sahaja. Institusi zakat sebenarnya adalah berperanan sebagai dasar fiskal dan unsur kestabilan ekonomi harus dipraktikkan dengan lebih meluas. Sekaligus institusi zakat ini akan berupaya bertindak sebagai penggerak dasar ekonomi negara dan seterusnya, ia berupaya untuk mengantikan mana-mana dasar yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam.

5.2.3 Penyelesaian Melalui Aspek Perundangan

Aspek perundangan adalah sesuatu yang tidak boleh dipandang ringan dalam menjayakan sesuatu perkara. Dalam memastikan kejayaan perlaksanaan sistem zakat juga, aspek perundangan adalah suatu kemestian. Apatah lagi zakat adalah merupakan perkara rukun di dalam agama Islam. Jika sistem zakat hendak dilaksanakan dalam keadaan kekurangan dari segi perundangan, sudah pastilah kejayaan sistem zakat ini tidak akan dapat dilihat potensi zakat yang sebenarnya.

Apa yang nyata, bagi negeri Kedah, undang-undang mengenai zakat telah lama wujud. Tetapi perlaksanaannya yang belum mencapai maksud perundangan tersebut walaupun ianya telah diluluskan penguatkuasaannya. Ini secara langsung akan menggagalkan usaha memastikan kejayaan sistem zakat itu sendiri. Tidak ada gunanya penggubalan, seandainya tidak ada praktikal.

Usaha-usaha lain yang boleh diambil oleh pihak pemerintah berkaitan dengan aspek perundangan ialah mengadakan penyelarasan di antara undang-

undang zakat dan undang-undang yang sedia ada, seperti undang-undang percukaian, peraturan-peraturan institusi kewangan seperti bank, syarikat pelaburan dan sebagainya. Penggunaan undang-undang dan peraturan zakat yang sama bagi semua negeri, perluasan bidang kuatkuasa para pentadbir zakat, meletakkan keutamaan membayar zakat lebih daripada kewajipan membayar cukai, dan memastikan pengawasan yang lebih teliti terhadap perlanggaran undang-undang oleh mereka yang seharusnya membayar zakat, para amil, para pentadbir itu sendiri serta sesiapa yang bertujuan menggunakan wang tersebut.

5.2.4 Penyelesaian Di Pihak Masyarakat

Tidak dinafikan bahawa golongan masyarakat juga perlu diberi perhatian dalam usaha menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang timbul. Dengan lain perkataan, beberapa langkah juga perlu diambil dalam usaha memberi kesedaran dan memastikan semua petani membayar zakat padi kepada pihak pemerintah yang bertanggungjawab dalam aspek urusan pentadbiran zakat ini. Dalam konteks penyelesaian di kalangan para petani ini, penulis menitikberatkan kepada beberapa aspek yang perlu diberi perhatian oleh pihak pentadbiran zakat.

(1) Peranan aspek pendidikan

Aspek pendidikan adalah penting dalam usaha menyebarkan ilmu dan pengetahuan dalam masyarakat. Pengabaian aspek pendidikan ini akan membawa masyarakat kepada satu fenomena yang akan memandang soal kewajipan membayar zakat sebagai suatu yang ringan dan remeh-temeh. Zakat akan dipandang sebagai sesuatu yang membebankan mereka lantaran daripada

kekurangan kefahaman dan didikan mengenai kewajipan zakat serta kedudukannya yang sebenar.

Seandainya diteliti dengan mendalam, timbulnya perkara ini adalah berpunca daripada perkara asas iaitu kekurangan pendidikan. Hanya melalui pendidikan yang bersifat menanam ilmu ke dalam jiwa masyarakat Islam sahaja yang boleh membentuk keperibadian masyarakat Islam dan seterusnya memahami dan menjawai nilai-nilai dan prinsip-prisip agama Islam yang utama. Apatah lagi persoalan zakat ini adalah merupakan salah satu rukun daripada rukun Islam.

Aspek pendidikan yang dimaksudkan di sini adalah pendidikan yang bersifat rasmi (formal) dan tidak rasmi (tidak formal). Dalam konteks ini, penulis merasakan bahawa pendidikan tidak rasmi adalah lebih penting diberikan tumpuan berbanding dengan pendidikan rasmi. Ini adalah kerana pendidikan rasmi biasanya melibatkan para pelajar yang belum lagi mempraktikkan soal pembayaran zakat ini. Namun, perkara ini tidak boleh diambil remeh dan tidak boleh dianggap tidak penting. Sekalipun mereka belum lagi mempraktikkan pembayaran zakat, namun kesedaran dan penghayatan kewajipan zakat ini sewajarnya disemai di peringkat ini. Secara tidak langsung penghayatan itu boleh dibina bermula di alam persekolahan lagi.

Penulis berpendapat, pendidikan secara tidak formal yang perlu diberikan perhatian ketika ini. Pendidikan tidak formal adalah seperti kelas-kelas pengajian agama yang diadakan di masjid-masjid dan surau-surau umpamanya. Tetapi kelas-

kelas pengajian yang diadakan hanya akan menjadi tumpuan golongan tua sahaja yang lebih dekat kepada masjid. Bagaimana dengan golongan-golongan muda dan mereka yang tidak menghadiri kelas-kelas pengajian kerana malas atau kerana letih bekerja?

Dalam hal ini, penulis merasakan bahawa pihak pentadbir zakat perlu menganjurkan ceramah-ceramah khas yang memberi tumpuan secara khusus kepada aspek kewajipan zakat dan tidak hanya terhad kepada zakat padi sahaja. Ceramah-ceramah khas boleh dianjurkan secara khusus di jabatan-jabatan kerajaan dan juga swasta. Ini secara tidak langsung akan membolehkan pengetahuan mengenai zakat ini dapat disampaikan kepada masyarakat yang bekerja yang sememangnya tidak berkesempatan untuk menghadiri kuliah-kuliah ilmu.

Media massa juga boleh memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat ini. Melalui media elektronik dan media cetak juga boleh disebarluaskan pengetahuan tentang kewajipan zakat ini. Rancangan-rancangan kuliah agama yang disiarkan di radio dan televisyen dengan pembawaan yang baik boleh menarik minat para penonton dan pendengar untuk mengikuti perbincangan dan maklumat yang disampaikan.

(2) Peranan para ilmuan Islam

Dalam memperkatakan soal pendidikan terhadap masyarakat, peranan para ilmuan dan cendiakawan Islam adalah merupakan satu aset yang penting dalam

memberi kesedaran kepada masyarakat Islam seluruhnya. Mereka bukan sahaja berperanan sebagai sumber rujukan sahaja tetapi memainkan peranan dalam aspek yang lebih global lagi meliputi persoalan-persoalan ekonomi, kemasyarakatan, pentadbiran dan aspek-sapek lain yang mempunyai banyak pertalian dengan strategi menjayakan sistem zakat.

Pihak pemerintah terutamanya, perlulah melihat kembali peranan yang boleh diambil oleh para cendiakawan Islam dan bukannya melihat mereka sebagai pelengkap dalam masyarakat yang hanya melibatkan bab-bab keagamaan sahaja. Tetapi keterlibatan mereka haruslah diberi peluang meliputi proses penggubalan dasar ekonomi, kemasyarakatan dan aspek-aspek lain berhubung dengan kehidupan seharian.

Para ilmuan Islam harus mengkaji dan meneliti persoalan zakat ini dengan lebih mendalam sejajar dengan perkembangan semasa. Namun kajian-kajian dan penyelidikan semata-mata serta ditemui penemuan-penemuan yang boleh dilaksanakan tidak akan bermakna sekiranya tidak dipraktikkan. Apakah cukup sekadar penemuan-penemuan itu disimpan di dalam khazanah perpustakaan sebagai bahan ilmiah yang tidak berupaya dipraktikkan? Ataupun, mungkinkah penyelidikan tersebut semata-mata untuk memberi kelulusan akademik kepada seseorang individu sahaja? Secara ringkasnya, tidak ada maknanya scandainya penyelidikan dijalankan tetapi penemuan penyelidikan tersimpan begitu sahaja sebagai koleksi tetapi tidak dipraktikkan apa yang ditemui.


Dalam hal ini, masyarakat biasanya akan memandang tinggi terhadap golongan ulama dan juga intelektual Islam. Masyarakat adalah lebih mudah menerima apa yang diperkatakan oleh golongan ulama berbanding dengan orang lain. Justeru, golongan ulama dan intelektual Islam sewajarnya diberi peluang bersama menggembangkan tenaga dalam usaha menjayakan sistem-sistem perekonomian Islam terutamanya kejayaan perlaksanaan sistem zakat.

Secara jelasnya, penyelesaian yang boleh diambil terhadap masyarakat adalah usaha menanamkan kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat perihal pentingnya kewajipan menunaikan zakat ini. Begitu juga aspek keyakinan masyarakat Islam terhadap pihak pentadbiran zakat yang berjaya memartabatkan sistem zakat dengan bersungguh-sungguh adalah sesuatu yang perlu dilakukan. Hanya dengan cara ini sahaja, perlaksanaan sistem zakat di dalam masyarakat akan mendapat kejayaan sepenuhnya.

Rajah 5.2.I di bawah ini menunjukkan secara ringkas langkah-langkah penyelesaian yang boleh diambil dalam usaha menyelesaikan permasalahan yang timbul. Rajah tersebut menjelaskan bahawa, aspek kejayaan hanyalah akan tercapai melalui gabungan langkah-langkah yang diambil oleh semua pihak, sama ada pihak pentadbir, kerajaan serta umat Islam itu sendiri. Kejayaan perlaksanaan sistem ini terletak kepada penggembangan tenaga semua pihak dan tidak hanya kepada sebelah pihak sahaja. Adunan langkah-langkah ini sudah pasti akan membawa hasil yang sejajar dengan perlaksanaan sistem ekonomi Islam melalui sistem zakat.

Rajah 5.2.1

LANGKAH-LANGKAH PENYELESAIAN



Sebagai kesimpulan kepada keseluruhan saranan-saranan yang dikemukakan ini, kejayaan hanya akan dicapai sekiranya ianya berjaya diperlakukan. Tidak bermakna seandainya saranan-saranan ini hanya tinggal sebagai penyelesaian yang dikenal pasti, tanpa adanya tindakan susulan oleh semua pihak yang secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam usaha memastabatkan sistem zakat ini di mata dunia. Semua pihak haruslah bersama dalam menggembangkan tenaga bagi memastikan agar semua langkah yang disarankan di sini akan berjaya dilaksanakan.

5.3 KESIMPULAN

Walaupun penyelidikan ini hanya menumpukan kepada satu aspek sahaja, iaitu pembayaran zakat padi, namun kajian ini telah menjelaskan beberapa perkara yang berkaitan dengannya yang seharusnya diberi perhatian oleh semua pihak terutamanya pihak pentadbir zakat. Aspek pembayaran zakat merupakan suatu isu yang tidak boleh dipandang ringan oleh umat Islam. Seandainya aspek pembayaran zakat ini tidak diberi perhatian dengan sewajarnya, maka hikmah kefardhuan zakat sudah pasti tidak akan tercapai.

Kejayaan dalam aspek kutipan zakat adalah berpunca daripada sistem pembayaran zakat yang sepenuhnya daripada semua pembayar zakat. Perolehan dalam kutipan adalah berkadar terus dengan aspek pembayaran. Kegagalan dalam aspek pembayaran akan menjelaskan aspek perolehan dan seterusnya berkaitan dengan agihan yang akan dilakukan. Permulaannya adalah aspek pembayaran zakat itu sendiri.

Melalui penyelidikan yang telah dilakukan ini, penulis dapat menyimpulkan bahawa aspek perolehan kutipan oleh pihak pentadbir zakat belum mencapai kejayaan sepenuhnya. Jumlah perolehan yang sebenar belum berjaya diperolehi. Kewujudan dua saluran pembayaran zakat menjelaskan bahawa, adanya sebab atau faktor berlakunya keadaan sedemikian. Puncanya timbul daripada pihak pentadbir dan juga para petani itu sendiri. Permasalahan-permasalahan itu perlu diselesaikan dengan segera dalam usaha mengembalikan martabat institusi zakat sebagai penggerak kemajuan ekonomi umat Islam.

Janganlah hanya menyentuh soal pentadbiran dan organisasi zakat sahaja yang diutamakan. Yang lebih penting ialah membantu sistem zakat itu dilaksanakan dengan menyeluruh dan tidak sahaja dilaksanakan dalam suatu ruang lingkup yang sendirinya mempunyai banyak rintangan. Zakat tidak boleh lagi dilihat sebagai isu agama sahaja. Bahkan ia meliputi isu ekonomi, pembangunan dan hak manusia yang merupakan suatu isu yang merintangi batasan konsep yang sempit.

Justeru, semua pihak adalah berkewajipan untuk memastikan bahawa pengurusan pentadbiran zakat sama ada aspek kutipan atau agihan berjaya dilaksanakan dengan sebaik mungkin agar institusi zakat dapat merealisasikan hakikat sebenar kefardhuan zakat ini. Ia bukan sahaja memastikan bahawa kewajipan agama dipatuhi, bahkan hikmah di sebalik kefardhuan zakat itu akan tercapai. Ini secara tidak langsung akan dapat memartabatkan institusi zakat itu sendiri di kalangan umat Islam khususnya dan seluruh umat manusia amnya.

Sebagai pengakhiran kepada penyelidikan yang telah dilakukan ini, penulis dengan penuh rasa rendah diri, memohon keampunan daripada Ilahi seandainya dalam usaha memartabatkan kembali sistem Islam ini, terdapat segala kesilapan dan kekurangan. Segala yang baik itu adalah daripada Allah S.W.T. juga, dan segala yang buruk adalah di atas kedhaifan diri ini, insan yang sentiasa berada dalam kelemahan.

*** *وَاللَّهُ أَعْلَم* ***

NOTA HUJUNG

¹ Lihat Bab Kedua di bawah tajuk kecil “2.3. Statistik Kutipan Zakat Padi Daerah Pendang” dan “2.4. Anggaran Perolehan Kutipan Zakat Padi Di Daerah Pendang” pada halaman 46 - 70.

² Lihat Bab Ketiga di bawah tajuk kecil “3.5. Saluran Pembayaran Zakat Padi” pada halaman 100 - 108. Lihat juga Bab Keempat di bawah tajuk kecil “4.4. Masalah Daripada Pembayar Zakat” pada halaman 130 - 136.

³ Lihat Bab Kedua di bawah tajuk kecil “2.2.4. Struktur Organisasi Pentadbiran Zakat Di Daerah Pendang” pada halaman 40 - 42.

⁴ Peraturan-peraturan Zakat 1982 : Seksyen 15.

⁵ Lihat Bab Ketiga di bawah tajuk kecil “3.2. Amalan Pengurusan Hasil Padi” pada halaman 75 - 79.

⁶ Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Haji Abdul Majid (1992 M), **Sejarah Pembinaan Hukum Islam**, Kuala Lumpur : Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Edisi Kedua, hlm. 12 - 15.

⁷ Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darulaman (t.t), **Fatwa Kedah Darulaman**, Alor Setar, Kedah : Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darulaman, Fatwa No. 86, hal. 26. Lihat Bab Ketiga, di bawah tajuk kecil “3.3. Kaedah Pengiraan Zakat Padi” pada halaman 79 - 91.

⁸ Fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Lihat Bab Ketiga, di bawah tajuk kecil “3.4. Kaedah Pembayaran Zakat Padi” pada halaman 91 hingga 99.

⁹ Lihat Bab Ketiga di bawah tajuk kecil “3.3. Kaedah Pengiraan Zakat Padi” pada halaman 79 - 91.

¹⁰ Peraturan-peraturan Zakat 1982 : Seksyen 15.

¹¹ Perlembagaan Persekutuan : Jadual Kesembilan, Senarai II - Senarai Negeri.